



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



## SIARAN MEDIA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG, SULTAN IBRAHIM BERKENAN MELANCARKAN PERKHIDMATAN ETS3 DAN MERASMIKAN LAMAN REL MAHKOTA DI KLUANG

**KLUANG, 23 Ogos 2025** – Malaysia hari ini mencatat detik bersejarah apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim, berkenan mencemar duli melancarkan **Perkhidmatan Tren Elektrik ETS3** serta merasmikan **Laman Rel Mahkota di Kluang**. Kedua-dua acara ini menandakan pencapaian penting dalam pembangunan infrastruktur moden serta transformasi landskap bandar negara.

### ETS3: ERA BAHARU MOBILITI REL NEGARA

Majlis peluncuran rasmi **ETS3** berlangsung di Stesen Kuala Lumpur pada jam 7.40 pagi. Tren generasi baharu ini dilengkapi teknologi moden dengan kelajuan operasi sehingga **140 km/j**, menjadikannya antara tren penumpang elektrik paling laju di Malaysia ketika ini.

Dengan reka bentuk aerodinamik, sistem keselamatan terkini bertaraf antarabangsa serta keselesaan moden, ETS3 dijangka mempertingkatkan pengalaman perjalanan rakyat. Ia juga memperkukuh jaringan mobiliti rel di Semenanjung Malaysia, khususnya laluan antara Kuala Lumpur dan destinasi utama di selatan tanah air termasuk Kluang, Johor.

Terdahulu, Seri Paduka Baginda berkenan menjalani sesi pandu uji ETS3 pada 19 Ogos 2025 sebagai persiapan sebelum pelancaran rasmi ini.

Dalam majlis yang sama, YB Menteri Pengangkutan mengumumkan bahawa perkhidmatan ETS3 akan mula beroperasi pada **30 Ogos 2025**, melibatkan laluan **KL Sentral–Kluang–KL Sentral**. Pembelian tiket boleh dibuat mulai **23 Ogos 2025 (Sabtu)**, jam **8.00 malam** melalui aplikasi **KTMB Mobile (KITS)**, mesin kiosk atau **laman sesawang rasmi KTMB**.

### LAMAN REL MAHKOTA: IKON WARISAN, KELESTARIAN DAN KEBERSAMAAN

Usai pelancaran ETS3, Seri Paduka Baginda berangkat ke Kluang untuk merasmikan Laman Rel Mahkota, sebuah taman awam ikonik sepanjang 2.8 kilometer yang dibangunkan di bawah jajaran viaduct Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas–Johor Bahru (GJBEDTP).

Laman Rel Mahkota mengekalkan identiti asal Taman Linear Warisan Keretapi Kluang dengan menampilkan elemen bersejarah seperti papan tanda lama, landasan dan jambatan pejalan kaki. Pada masa sama, ia turut ditransformasi dengan elemen moden seperti landskap hijau, seni komuniti, kemudahan mesra keluarga serta ciri digital interaktif berasaskan kod QR.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



Stesen Keretapi Kluang baharu sebagai sebahagian daripada projek ini turut dilengkapi kemudahan moden termasuk **110 petak parkir kereta** dan **63 petak motosikal, parkir bas, 2 petak khas OKU, lif, eskalator, tandas, surau, ruang menunggu, kaunter tiket, mesin tiket** dan **premis makanan**, demi penyelesaian semua lapisan masyarakat.

Menurut Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook:

*“Laman Rel Mahkota adalah bukti kerjasama erat antara kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta dalam menghasilkan infrastruktur awam bertaraf dunia. Ia bukan sahaja menjadi mercu tanda baharu Kluang, malah melambangkan kebersamaan dan kelestarian untuk generasi akan datang.”*

Ketua Pegawai Teknikal KTMB (menanggung tugas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan), YBrs. Tuan Ir. Ahmad Nizam Mohamed Amin berkata, *KTMB menzahirkan penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas keberangkatan ke pelancaran ETS3. Kehadiran Tuanku menjadi inspirasi, dan KTMB berharap perkhidmatan ini memberi manfaat kepada rakyat Johor serta memacu pembangunan rangkaian rel negara.*

Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar Ahmad, berkata fasa seterusnya akan memperkaya Laman Rel Mahkota sebagai pusat budaya, keusahawanan dan komuniti, termasuk pembinaan galeri warisan serta landskap seni. Antara acara utama yang bakal berlangsung di sini ialah **Kereta Api Sarong 2025** pada 13 September 2025.

Sementara itu, Dato' Seri Yeoh Seok Hong, Pengarah Urusan SIPP-YTL JV, menyifatkan Laman Rel Mahkota sebagai simbol penghargaan kepada masyarakat Kluang serta pengiktirafan kepada identiti bandar ini sebagai **“Bandar Kereta Api”** sejak 1909, di samping menjadi perintis taman rel moden negara.

Laman Rel Mahkota yang akan dibuka secara rasmi pada **Isnin, 25 Ogos 2025** ini, boleh dikunjungi orang ramai **setiap hari** bermula **jam 6.00 pagi** hingga **9.00 malam**. Ia juga menjadi simbol komitmen sosial korporat melalui kerjasama strategik antara RAC, Majlis Perbandaran Kluang dan SIPP-YTL JV.

## PENUTUP

Gabungan peluncuran ETS3 dan perasmian Laman Rel Mahkota memperlihatkan bagaimana **infrastruktur moden dan warisan tempatan** dapat dipadukan demi memperkukuh mobiliti rakyat, merencanakan pembangunan ekonomi wilayah serta menjamin kesejahteraan generasi akan datang.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**23 OGOS 2025**

– TAMAT –





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



## INFO KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin pembangunan sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkukuh teknologi serta jaringan mobiliti sebagai pemangkin kemajuan negara.

### PERTANYAAN MEDIA

#### Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan Malaysia

+603 8892 1027

[unikomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unikomunikasikorporat@mot.gov.my)

#### Nurul Asyura Abdul Rahman | Strategic Communications | Keretapi Tanah Melayu Berhad

KTMB Headquarters, Jalan Sultan Hishamuddin, 50621 Kuala Lumpur

(O) : 03-2263 1103 | [nurulasyura@ktmb.com.my](mailto:nurulasyura@ktmb.com.my) | <https://www.ktmb.com.my>

#### Unit Hal Ehwal Korporat

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: [salfarizan@rac.gov.my](mailto:salfarizan@rac.gov.my)

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 - 659 4256

No Faks: 603 - 8939 0222

#### Unit Komunikasi Strategik

Pengurus Kanan Komunikasi: Cik Nina Jamil

Telefon : 012-3874322

E-mel : [nina.farizah@sippytl.com](mailto:nina.farizah@sippytl.com)



[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)



motmalaysia



ministryoftransportmy